

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld XI

Tarikh : 28 Februari 2013

En. Kamrul

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2013**

Dekan / Pengarah / Ketua  
Fakulti / Pusat / Bahagian / Jabatan / Unit  
Universiti Kebangsaan Malaysia dan  
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

En. Kamrul  
Uedun Jus  
En. Harun  
Fail.  
2013

**HAD KUASA MELULUS PESANAN RASMI**

Dengan hormatnya perkara di atas dan Pekeliling Bendahari Bil 8/2011 (Perenggan B. (2)) adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Bendahari telah mengurangkan had kuasa melulus pesanan rasmi daripada RM5,000.00 kepada RM3,000.00. Kuasa pembelian ini adalah untuk selain aset. Pengurangan had nilai kuasa ini adalah untuk mengelakkan dari sebarang pembelian aset kerana pembelian aset perlu mendapat kelulusan khas dan menggunakan peruntukan One Off.

Sehubungan itu, berkuatkuasa mulai tarikh pekeliling ini, had kuasa melulus pesanan rasmi sebanyak RM5,000.00 yang telah diberikan kepada semua pelulus akan dikurangkan kepada RM3,000.00 sahaja. Dengan penguatkuasaan pekeliling ini, surat penurunan kuasa bagi pengurangan had kuasa tidak akan dikeluarkan semula.

Sekian, terima kasih.

**"Akauntabiliti Pegangan Kita"**

Yang benar,

  
**MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL**  
Bendahari  
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
  - Pendaftar, UKM

